

4.1 Etiket di Rumah

S.P: 4.1.2 Memaparkan kepentingan etiket di rumah.

Isi tempat kosong berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan tentang kepentingan mengamalkan etiket di rumah. **TP 2**

• hubungan	• menaikkan	• keharmonian	• berkecil hati
• teladan	• mencukupi	• menghormati	
• mementingkan diri	• keperibadian	• perselisihan faham	

- 1 Memberikan layanan yang baik kepada anggota keluarga yang lebih tua bermakna kita _____ mereka.
- 2 Bercakap dengan nada suara yang lembut dan sopan dapat mengelakkan anggota keluarga daripada _____.
- 3 Membantu ibu bapa membuat kerja rumah bukan sahaja dapat meringankan beban ibu bapa, malah dapat menunjukkan _____ yang baik kepada adik-adik.
- 4 Memberikan layanan mesra kepada tetamu yang datang ke rumah menunjukkan ketinggian _____ kita.
- 5 Makan bersama-sama di meja makan dapat mengekalkan _____ erat antara anggota keluarga.
- 6 Mengambil makanan secara sederhana memastikan semua anggota keluarga mendapat makanan yang _____.
- 7 Amalan berterus terang dalam semua perkara dapat mengelakkan _____ antara anggota keluarga.
- 8 Berkongsi alat di rumah menunjukkan sikap toleransi dan tidak _____ dalam kalangan anggota keluarga.
- 9 Amalan mematuhi etiket di rumah menjamin kebahagiaan dan _____ dalam keluarga.
- 10 Amalan mematuhi etiket di rumah juga dapat _____ imej diri dan keluarga.